

SR/C/01/01/23

Isnin, 9 Januari 2023

Bangunkan industri sukan dan belia, KBS tinjau ruang kerjasama dengan Sarawak

KUCHING, 9 Jan – Kementerian Belia dan Sukan (KBS) meninjau ruang kerjasama dengan Sarawak bagi membangunkan industri sukan dan belia negara ini.

Menteri Belia dan Sukan Malaysia Hannah Yeoh berkata, dalam pertemuan selama satu jam bersama-sama dengan Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Openg, beliau telah berkongsi idea dan pandangan terutamanya berkaitan dengan kepelbagaian budaya dan konsep perpaduan yang kuat di Sarawak.

"KBS akan melihat bagaimana idea-idea berkenaan boleh diterapkan dalam usaha kementerian ini membina sukan dan belia di Malaysia.

"Konsep tersebut dan idea-idea beliau amat menarik, dan kita akan bawa hal ini ke Putrajaya untuk perbincangan bersama serta memikirkan bagaimana kita boleh bekerjasama dengan lebih erat untuk membangunkan industri ini," ujarinya kepada pemberita selepas sesi kunjungan hormat kepada Premier Sarawak di Wisma Bapa Malaysia hari ini.

Selain itu, Yeoh memberitahu perbincangan lanjut berkaitan hal tersebut juga akan diteruskan bersama-sama dengan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah pada 16 Januari ini dengan memberi fokus kepada konsep perpaduan.

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako

Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak

Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : pensarawak@inform.gov.my

Turut hadir ketika kunjungan hormat ialah Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak (Pembangunan Usahawan) Dr. Ripin Lamat, Setiausaha Tetap Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak Morshidi Fredrick dan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara, Sarawak Lamat Nyalau.

Keterangan Foto:

Foto 1: Abang Johari menerima kunjungan hormat daripada Yeoh di pejabatnya di Wisma Bapa Malaysia.

Foto 2: Abang Johari (duduk tiga kanan) bersama Hannah (duduk tiga kiri) ketika sesi kunjungan hormat.

Foto 3: Abang Johari (tiga kanan) bersama Yeoh (tiga kiri) ketika sesi kunjungan hormat. Turut kelihatan, Ripin (dua kanan).

Oleh: Norhayati Sarkawi (BMKK)

Foto: Jaed Tepus (BKVS)